

Bahagian A

Jawab **lima** soalan sahaja

[50 markah]

1(a) Huraikan tujuan perniagaan [3 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bentuk pemilikan perniagaan

Nama Perniagaan	: Perusahaan Mercu Sendirian Berhad
Alamat	: No 86, Lot Perindustrian Telok Panglima Garang, Klang, Selangor
Jualan Tahun 2017	: RM 40 Juta
Bilangan Pekerja Tetap	: 75 orang
Bilangan Pekerja Sambilan	: 100 orang
Aktiviti Pasaran	: Pembuatan perabot daripada kayu getah untuk pasaran tempatan

Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut [4 markah]

(c) Apakah kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan. [3 markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi dan skala perniagaan Encik Faiz.


Encik Faiz ingin meneruskan perusahaan ikan sangkar ayahnya di Kuala Lipis, Pahang. Beliau memohon pembiayaan dari Agro Bank untuk membeli benih ikan. Beliau memilih ternakan ikan sangkar kerana permintaan yang sangat tinggi tetapi penawarannya adalah terhad. Setelah lima tahun, beliau telah mampu mengupah 10 orang pekerja dan memiliki 150 buah sangkar ikan yang dapat menampung permintaan dari negeri berhampiran.

(a) Jelaskan sektor dan skala bagi perniagaan yang diusahakan oleh Encik Faiz. [2 markah]

(b) Terangkan faktor penyumbang yang perlu ada pada Encik Faiz untuk memulakan perniagaan tersebut. [4 markah]

(c) Apakah prosedur mendapatkan sumber pembiayaan luaran bagi sesebuah perniagaan. [4 markah]

3. Rajah menunjukkan titik pulang modal Perniagaan Pastrri Mantap yang beroperasi di My Town, Kuala Lumpur.



- (a) Apakah X dan Y? [2 markah]
- (b) Jelaskan kesan kepada Perniagaan Pastrri Sedap sekiranya pengeluaran pastrri berada di kawasan berlorek [4 markah]
- (c) Jelaskan ciri-ciri fizikal sesuatu produk yang menarik perhatian pembeli [4 markah]
- 4 Encik Syaqif merupakan graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan daripada Universiti Putra Malaysia. Dia sangat berminat untuk menjadi seorang pendidik.
- (a) Apakah kemahiran kebolehkeraan yang seharusnya dimiliki oleh Encik Syaqif sekiranya dia ingin menjadi pendidik? [3 markah]
- (b) Nyatakan bentuk faedah yang boleh diterima oleh seseorang pekerja. [3 markah]
- (c) Terangkan sumber fizikal yang terdapat dalam sesebuah bengkel motosikal. [4 markah]

5(a) Berikut merupakan Penyata Aliran Tunai bagi Syarikat MyVision Enterprise.

MyVision Enterprise			
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Dis 20xx.			
	Okt RM	Nov RM	Dis RM
Baki b/b	100,000	A	96,980
PENERIMAAN			
Jualan Tunai	80,000	B	90,000
Pinjaman	10,000	20,000	-
Jumlah Penerimaan	90,000	100,000	G
PEMBAYARAN			
Pembelian Bahan Mentah	40,000	50,000	55,000
Gaji	C	10,000	10,000
Perbelanjaan sewa	2,000	2,000	2,000
Faedah	1,520	500	H
Pembelian Aset	20,000	-	-
Kos Jualan	30,000	D	40,000
Jumlah Pembayaran	100,520	92,500	107,500
Lebihan/(kurangan)	(10,520)	7,500	E
Baki h/b	F	96,980	79,480

(i) Kirakan nilai bagi butiran A, B, C, D, E, F, G dan H. [8 markah]

(ii) Nyatakan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan. [2 markah]

6(a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Haiqal seorang usahawan muda.

Haiqal telah menceburi dalam bidang penyediaan makanan dengan membuka sebuah restoran selama 5 tahun. Restorannya beroperasi setiap hari dan terletak bersebelahan dengan Pasar Raya Mulia di bandar Kuala Terengganu dan mempunyai pekerja seramai 10 orang.

(i) Mengapakah beliau memilih lokasi tersebut? [3 markah]

(b) Senaraikan prosedur mendaftar perniagaan milikan tunggal. [4 markah]


(c) Nyatakan kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat. [3 markah]

Bahagian B

Jawab **dua** soalan sahaja

[30 markah]

- 7(a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Mengapakah Dr Rashid menolak cadangan Dr Amir?

[7 markah]

- (b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan suatu perniagaan.

Alphatech Inc, UK merupakan sebuah syarikat di United Kingdom yang berjaya mencipta teknologi baharu dalam menghasilkan tilam bermutu tinggi menggunakan getah asli. Scientec Berhad ialah sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan bantal dan tilam di Bangi, Selangor. Kedua-dua syarikat bersetuju untuk memperbadankan satu syarikat baharu yang dikenali sebagai Alphatech Sendirian Berhad dengan pejabat dan kilang di Kawasan Perindustrian Semambu, Kuantan. Syarikat Scientec Berhad mengeluarkan modal untuk membina kilang, menyediakan tenaga kerja dan mendapatkan bahan mentah. Sementara itu, Alphatech Inc, UK akan menyumbangkan teknologi dan tenaga pakar dalam penyelidikan dan pembangunan. Untung rugi yang diperolehi oleh Alphatech Sendirian Berhad akan dikongsi pada kadar nisbah 55:45 antara Scientec Berhad dan Alphatech Inc, UK masing-masing.

Apakah bentuk usaha niaga berkenaan?

Pada pendapat anda, apakah kelebihan usaha niaga berkenaan?

[8 markah]

8(a) Gambar berikut menunjukkan suatu jenis produk.



Terangkan dua elemen campuran pemasaran bagi memasarkan produk berkenaan.

[8 markah]

(b) Gambar di bawah menunjukkan logo agensi kerajaan.



Jelaskan peranan yang dijalankan oleh agensi di atas.

[7 markah]

9(a) Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada usahawan untuk memulakan perniagaan adalah latihan.

Jelaskan kepentingan latihan kepada usahawan.

[7 markah]

(b) Datin Seri Atiqah bercadang ingin membuka butik dalam talian dengan menggunakan media sosial.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan dan kekurangan penggunaan media sosial dalam menjalankan sesebuah perniagaan.

[8 markah]

Bahagian C

Soalan ini **wajib** dijawab

[20 markah]

- 10 Syarikat Majujaya Plastik Berhad merupakan syarikat usahasama antara Jaya Plastics Industries Berhad dengan Moon Plastics Industries yang berasal dari Negara China. Syarikat ini mengeluarkan pelbagai barangan plastik untuk pasaran tempatan dan pasaran antarabangsa.

Visi, misi dan objektif syarikat adalah seperti berikut :

<i>Visi</i>	Menjadi peneraju utama dalam pengeluaran barangan plastik diperingkat domestik dan antara bangsa
<i>Misi</i>	Menggabungkan teknologi kejuruteraan terkini dan inovasi untuk pembangunan dan pembaikan produk secara berterusan seiring dengan kemahuan pelanggan
<i>Objektif</i>	Mencapai keuntungan bersih berterusan sekurang- kurangnya 20% setahun

Syarikat Majujaya Plastik Berhad menggunakan teknologi terkini untuk menghasilkan barangan plastik dengan menggunakan mesin yang diimport dari Taiwan. Keluaran syarikat ini juga mendapat pengiktirafan SIRIM iaitu sebuah agensi kerajaan yang menetapkan standard untuk barang perkilangan buatan Malaysia.

Syarikat Majujaya Plastik Berhad akan membuka sebuah kilang baru dengan kos bernilai RM100 juta. Kilang ini terletak di Kawasan Perindustrian Gebeng di Pahang. Kawasan perindustrian ini dibangunkan oleh kerajaan negeri dan mempunyai kemudahan lengkap seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi. Bahan mentah kilang ini diperolehi dari Kemaman, Terengganu yang merupakan pusat pemrosesan petrokimia.

Produk syarikat merupakan produk pilihan utama di pasaran kerana faktor kualiti. Bahagian sumber manusia telah menubuhkan kumpulan pekerja yang dipanggil “*Team Talk*” untuk mengenalpasti masalah keluaran serta memberi cadangan kepada pihak pengurusan dalam meningkatkan kualiti produk. Penubuhan kumpulan ini didapati dapat meningkatkan motivasi dan kreativiti pekerja.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Adakah Visi, misi dan objektif yang ditetapkan oleh Syarikat Majujaya Plastik penting kepada pihak pengurusan dan pekerja?
Berikan alasan anda. [7 markah]
- (b) Terangkan dua bantuan yang diterima oleh Syarikat Majujaya Plastik daripada agensi kerajaan. [6 markah]
- (c) Jelaskan langkah yang boleh diambil oleh Syarikat Majujaya Plastik untuk melindungi hak atau kekuatan syarikat daripada dicuri atau ditiru oleh pesaing ? [3 markah]
- (d) Terangkan dengan memberikan contoh peranan yang telah dijalankan oleh bahagian sumber manusia Syarikat Majujaya Plastik. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT